

20 OCT 2000

PMCare-PERUBATAN

PMCare SASAR CAPAI 200,000 ANGGOTA PADA AKHIR TAHUN

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Pantai Medicare Sdn Bhd (PMCare), anggota Kumpulan Syarikat Pantai, mensasarkan untuk mencapai 200,000 anggota di bawah perkhidmatan Organisasi Penyelenggaraan Kesihatan (HMO) pada akhir tahun ini.

Ketua pegawai eksekutif Pantai Holdings Bhd Mokhzani Mahathir berkata syarikat itu ketika ini sedang mengadakan rundingan dengan kira-kira 10 syarikat yang mendapatkan perkhidmatannya.

"Kami mensasar untuk mendapatkan kira-kira 1,000 anggota baru setiap bulan tahun depan," katanya kepada pemberita selepas majlis pemeteraian antara Telekom Malaysia Bhd dan PMCare, di sini, hari ini.

Ketika ini, PMCare menguruskan sejumlah 180,000 anggota daripada lebih 100 syarikat di bawah perkhidmatan penyelenggaraan kesihatan termasuk pelanggan terbaru dan terbesarnya, Telekom.

Menyentuh mengenai industri pengurusan kesihatan, Mokhzani menyatakan terdapat aliran meningkat di kalangan syarikat-syarikat yang terbabit dalam perkhidmatan seumpama itu kerana mereka mencari kaedah yang lebih cekap dan murah dalam menguruskan penjagaan kesihatan kakitangan mereka.

Beliau berkata PMCare, sebelum ini dikenali sebagai HMO, menemui kegagalan selepas menghadapi kesukaran di peringkat awal operasi di bawah pengurusan sebelumnya.

"Setakat ini kami mempunyai kepakaran mengendalikan 155,000 anggota. Walaupun kami tidak boleh menyatakan perkhidmatan kami adalah yang terbaik, kami sentiasa meningkatkan kualiti dalam memenuhi keperluan pelanggan," tambahnya.

PMCare mempunyai panel 1,400 klinik di seluruh negara dan juga rangkaian perkhidmatan penjagaan kedua dan ketiga yang termasuk klinik pakar persendirian dan semua hospital kerajaan.

Sementara itu, ketua pegawai operasi Telekom Datuk Dr Abdul Rahim Daud berkata syarikat itu akan menjimatkan kira-kira lima peratus daripada purata RM22 juta setahun dalam perbelanjaan perubatan menerusi perjanjian dengan PMCare.

"Dengan pemerolehan sumber pengurusan penjagaan kesihatan ini, kami akan mampu menyelaraskan kegiatan kami dan menumpukan kepada perkhidmatan teras kami iaitu dalam telekomunikasi," tambahnya.

Ketika ini, Telekom mempunyai sekumpulan 90 kakitangan untuk menguruskan perkhidmatan kesihatan kira-kira 25,000 pekerjanya.

-- BERNAMA

MOT SD ZK MA